



## **TEKS UCAPAN**

**YB DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB  
MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH**

**SEMPENA**

**PERASMIAN ECOTOURISM ESPEK**

**LADANG RISDA ULU SLIM, SLIM RIVER**

**22 APRIL 2017 (SABTU)**

**WAKTU KETIBAAN : 4.00 PETANG**

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Tuan / Puan Pengacara Majlis.

**SALUTASI**

Yang Berusaha Pengerusi Majlis

YBhg. Datuk Borhan Bin Dolah  
Ketua Setiausaha KKLW

YB Datuk Zahidi Bin Zainul Abidin  
Pengerusi RISDA

YB Senator Dato' Haji Mohd Salim Bin Sharif  
Pengerusi ESPEK  
YBhg. Dato' Azizan Bin Mohamad Sidin  
Timbalan Ketua Setiausaha Dasar KKLW

YBhg. Dato' Dr. Ahmad Jailani Bin Muhamed Yunus  
Timbalan Ketua Setiausaha Pembangunan KKLW

YBhg. Datin Seri Elena Chiang Binti Abdullah  
Timbalan Ketua Setiausaha Pengurusan Dan Keusahawanan Desa KKLW

YBhg. Dato' Wan Ahmad Shabri Zainuddin  
Bin Wan Mohamad  
Ketua Pengarah RISDA

YBhg. Ketua-Ketua Agensi Di Bawah KKLW

YBhg. En. Nasarudin Bin Malek  
Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) RISDA

YBhg. Tn. Hj. Mohd Ihwan Bin Sudim  
Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan & Korporat) RISDA

YBhg. Tn. Haji Meor Mohd Zamnis Bin Meor Hassan  
Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan  
RISDA Holdings Sdn.Bhd.

YBrs. Tuan Haji Abd. Aziz Bin Haji Jaafar  
Ketua Pegawai Eksekutif ESPEK Sdn.Bhd.

Ahli Lembaga Pengarah / Setiausaha Dan Pengarah - Pengarah Bahagian / Ketua-Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat Di Bawah KKLW.  
Rakan- Rakan Media

Dif-Dif Jemputan, Pegawai Dan Kakitangan ESPEK Seterusnya Para Jemputan Yang Dikasihi Sekalian.

Assalamualaikum wbt., Salam Sejahtera Dan Salam Sehati Sejiwa.

1. Terlebih dahulu marilah kita memanjatkan kesyukuran kehadiran Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia-Nya kita dapat bersama-sama pada majlis perasmian Ecotourism ESPEK di Ulu Slim pada hari ini.

2. RISDA dan ESPEK adalah tidak asing bagi saya dan ini merupakan perjumpaan yang ke-5 saya bersama ESPEK dalam tempoh masa dua tahun ini. Terima kasih atas jemputan dan sambutan baik seluruh rakyat di Ulu Slim dan seluruh warga kerja ESPEK. Kesempatan ini saya juga merakamkan ucapan tahniah kepada RISDA dan ESPEK kerana berjaya merealisasikan projek Ecotourism ini yang membuktikan penerokaan baru dalam bidang industri hiliran.

2. Kecemerlangan ini menunjukkan ESPEK Sdn. Bhd. adalah salah sebuah syarikat yang berjaya di bawah KKLW. ESPEK telah mempamerkan satu transformasi yang amat baik dan menjadi contoh kepada anak-anak syarikat di bawah RISDA. Mencapai kejayaan bukannya mudah, tetapi mengekalkan kejayaan adalah lebih sukar. Saya yakin dengan barisan kepimpinan yang ada yang diterajui oleh YB Senator Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif, ESPEK pasti berjaya melepasi segala kekangan untuk menuju sebagai sebuah syarikat yang mampan.

Sidang hadirin yang saya kasihi,

3. Kebergantungan kepada ekonomi teras, tidak menjamin kelestarian sesebuah syarikat. Dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu, projek hiliran atau aktiviti ekonomi tambahan (AET) perlu dilaksanakan. Inilah inisiatif yang perlu dilaksanakan oleh setiap anak syarikat di bawah KKLW. Dengan pendapatan syarikat yang stabil pulangnya tentulah dinikmati oleh masyarakat luar bandar khususnya golongan sasar pekebun kecil.

4. Melalui penubuhan Ecotourism ESPEK ini, saya yakin dapat membuka ruang perniagaan dan pekerjaan bagi membantu merencanakan perkembangan ekonomi penduduk setempat. Konsep pelancongan yang mengabungkan rekreasi bukan sahaja akan menarik lebih ramai pelancong luar dan tempatan bahkan sesuai dijadikan tempat pembelajaran selaras dengan tema "where knowledge meets nature". Susulan perjanjian persefahaman (MoU) yang telah dilaksanakan antara

UPSI dan ESPEK saya difahamkan ESPEK sedang berusaha untuk melebarkan jaringan kepada dua lagi universiti terkemuka iaitu Universiti Sultan Azlan Shah (USAS) dan Universiti Utara Malaysia (UUM). Syabas kepada ESPEK dan saya menaruh kepercayaan dengan penambahbaikan pelbagai kemudahan dan pembangunan dari semasa ke semasa, Ecotourism ESPEK ini bakal menjadi destinasi pelancongan termuka Negara.

5. Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah telah melaksanakan inisiatif Strategi Lautan Biru (NBOS) kepada semua syarikat di bawah KKLW baru-baru ini. Usahasama di bawah program RuralTourism@KKLW yang melibatkan 6 syarikat termasuk ESPEK perlu ditekankan dalam perkongsian pengalaman ataupun promosi untuk menggiatkan aktiviti pelancongan desa. Pada masa ini, business is not as usual dalam pengurusan perniagaan. Oleh itu, semua anak syarikat diseru untuk adopt and adapt dengan model perniagaan baru bagi menyesuaikan dengan perubahan persekitaran ekonomi yang sentiasa dinamik dan bergerak pantas. Budaya kerja secara silo perlu dikikis kerana ia akan merugikan kita terutamanya dalam pengurusan sumber dan mengekang peluang perniagaan. Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada ESPEK kerana telah berjaya menterjemahkan inisiatif yang saya cetuskan menjadi realiti pada hari ini. Saya percaya ESPEK akan terus meneroka ruang dan peluang serta potensi kerjasama bersama anak syarikat KKLW.

6. Tahniah kepada RISDA selaku pengurusan induk kerana berjaya mentadbir anak-anak syarikatnya dengan baik. Saya berharap RISDA terus mempertingkatkan lagi strategi dan usaha untuk melaksanakan dasar-dasar transformasi luar Bandar dan seterusnya merealisasikan visi transformasi nasional 2050 (TN 2050) yang agar Malaysia menjadi negara maju dan berpendapatan tinggi.

7. Akhir kata, dengan lafaz Bismillahirrahmannirahim saya merasmikan Projek Ecotourism Espek, Ulu Slim.

Sekian. Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.